



## **POLISI ANTI-RASUAH DAN PENYELWENGAN**

**EDISI PERTAMA**

**2021**

## TITIPAN ALUAN

### YBhg. Dato' Presiden & Naib Canselor

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulilah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Polisi Anti Rasuah yang komprehensif dan inklusif, khusus untuk Universiti Selangor (UNISEL) telah dapat dibangunkan.

Polisi Anti Rasuah merupakan satu langkah terancang ke arah memperkuuh dan memperkasakan tadbir urus yang terbaik di UNISEL bertujuan menutup ruang dan peluang rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa dan tuntutan palsu dalam organisasi. Justeru itu, penyediaan Polisi Anti Rasuah yang sistematik dan bersifat holistik adalah perlu dalam usaha merangka strategi dan pendekatan bagi mencegah risiko perlakuan tersebut di UNISEL melalui pelbagai cadangan tindakan beserta sasaran yang ditetapkan di bawah Polisi Anti Rasuah.

Sejajar dengan matlamat tersebut, usaha penambahbaikan akan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan agenda integriti yang digariskan di bawah Polisi Anti Rasuah sentiasa relevan dengan persekitaran UNISEL. Semoga polisi yang digariskan ini dapat dijadikan rujukan serta memberi panduan kepada semua kakitangan UNISEL dan pihak yang berkaitan di semua bahagian dan jabatan di UNISEL. Ini bagi membolehkan usaha membanteras rasuah dan menambahbaik tadbir urus dapat berjalan dengan lancar bagi memartabatkan serta membudayakan integriti di UNISEL.

Akhir kata, sekalung budi dan penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menyediakan Polisi Anti Rasuah ini. Semoga usaha murni kita ini dapat membentuk warga UNISEL yang teguh berintegriti pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

*'Peneraju Transformasi'*



**PROF. DATO' DR. MOHAMMAD REDZUAN OTHMAN**

Presiden dan Naib Canselor

Universiti Selangor (UNISEL)

**ISI KANDUNGAN**

<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
Titipan Aluan	ii
1.0 Pengenalan	1
2.0 Objektif	1
3.0 Pemakaian Polisi	2
4.0 Definisi	3
5.0 Pegawai Badan Awam	4
6.0 Definisi Rasuah Dan Kesalahan Berkaitan Rasuah	5
7.0 Peraturan Berkaitan Hadiah	7
8.0 Peraturan Berkaitan Keraian Dan Hiburan	7
9.0 Lialibiliti	7
10.0 Panduan Apabila Berhadapan Dengan Isu Rasuah Dan Penyelewangan	9
11.0 Penutup	11
Pertanyaan dan Pelaporan	11

## **1. PENGENALAN**

- 1.1 Perlakuan rasuah dan penyelewengan menyumbang kepada ketirisan dan pembaziran di dalam sesebuah organisasi. Ia juga turut menyebabkan reputasi organisasi terjejas dan membawa kepada risiko implikasi undang-undang bukan sahaja kepada pelaku-pelaku rasuah dan penyelewangan malahan kepada organisasi itu sendiri.
- 1.2 Sebagai sebuah organisasi yang menjadi pemacu pembangunan pendidikan tinggi negeri Selangor yang progresif, UNISEL meletakkan integriti sebagai satu daripada nilai teras utama dalam semua urusan operasi universiti.
- 1.3 Amalan integriti dan governans terbaik di samping kepatuhan kepada undang-undang dan peraturan merupakan benteng yang akan memastikan perlakuan rasuah dan penyelewangan dapat dihindari dari meresap ke dalam budaya kerja warga universiti.
- 1.4 Oleh yang demikian, Polisi Anti Rasuah UNISEL ini disediakan sebagai panduan kepada semua kakitangan, Ahli Lembaga Pengarah, pihak berkepentingan dalam UNISEL dan rakan perniagaan UNISEL untuk mengetahui dan memahami kesalahan-kesalahan rasuah dan penyelewangan serta seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya.

## **2. OBJEKTIF**

2.1 Objektif Polisi Anti Rasuah UNISEL adalah seperti berikut:

- 2.1.1 Menggariskan kesalahan-kesalahan rasuah dan penyelewangan yang ditegah oleh undang-undang dan peraturan-peraturan.
- 2.1.2 Memberi kefahaman dari rujukan mengenai kesalahan rasuah dan penyelewangan melalui huraian definisi serta contoh-contoh situasi;
- 2.1.3 Memberi panduan tentang tindakan yang wajar diambil apabila berhadapan dengan siluasi perlakuan rasuah dan penyelewangan; dan
- 2.1.4 Sebagai satu mekanisme pencegahan bagi mengenal pasti, memahami dan menghindari perlakuan rasuah dan penyelewangan.

### **3. PEMAKAIAN POLISI**

- 3.1 Polisi ini terpakai kepada semua kakitangan, Ahli Lembaga Pengarah, pihak berkepentingan dalam UNISEL dan rakan perniagaan UNISEL.
- 3.2 Polisi ini hendaklah dibaca bersama dengan Kod Etika dan Tatalaku Kakitangan UNISEL; dan mana-mana polisi, peraturan dan prosedur UNISEL yang sedang diguna pakai serta undang undang di Malaysia seperti Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694); Kanun Keseksaan (Akta 574); Akta Syarikat 2016 (Akta 777); Akta Persaingan 2010 (Akta 712); dan lain-lain akta yang berkaitan.
- 3.3 Semua kesalahan rasuah dan penyelewengan serta peraturan dan liabiliti yang dinyatakan di dalam Polisi ini adalah merupakan kesalahan yang ditegah di bawah undang-undang dan peraturan Kerajaan dan UNISEL. Semua individu adalah dilarang melakukan atau terlibat dengan kesalahan-kesalahan tersebut. Sebarang perlakuan rasuah dan penyelewengan serta kegagalan mematuhi peraturan-peraturan yang dinyatakan di dalam Polisi ini boleh menyebabkan mana-mana individu diambil tindakan di bawah peruntukan undang undang dan tata tertib.
- 3.4 Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa mekanisme polisi anti rasuah yang dibuat oleh pihak berkepentingan dalam UNISEL hanya boleh bertindak sebagai tambahan kepada Polisi ini, dan sekiranya berlaku apa-apa percanggahan, Polisi ini akan diguna pakai.

#### 4. DEFINISI DAN KESALAHAN BERKAITAN RASUAH

4.1 Definisi terma yang diguna pakai di dalam Polisi ini membawa maksud seperti berikut:

<b>Agensi penguatkuasa undang-undang</b>	Agensi Kerajaan yang mempunyai fungsi dan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan lain-lain.
<b>Ahli Lembaga Pengarah UNISEL</b>	Seseorang yang dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah UNISEL dan termasuklah mana-mana Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah UNISEL.
<b>Individu</b>	Individu dalam Polisi ini merujuk kepada kakitangan UNISEL, Ahli Lembaga Pengarah UNISEL, pihak berkepentingan dalam UNISEL dan rakan perniagaan UNISEL.
<b>Pegawai badan awam</b>	Tafsiran pegawai badan awam adalah seperti mana huriaian di para 5 Polisi ini.
<b>Kakitangan UNISEL</b>	Seseorang yang dilantik bekerja untuk UNISEL secara tetap, sementara atau kontrak.
<b>Pihak berkepentingan dalam UNISEL</b>	Organisasi yang ditubuhkan oleh UNISEL seperti anak syarikat, Yayasan, Kelab Sukan, Pertubuhan, Persatuan dan Kesatuan Sekerja, termasuklah kakitangan yang dilantik.
<b>Polisi</b>	Merujuk kepada Polisi Anti Rasuah
<b>Rakan perniagaan</b>	Pembekal, kontraktor, jururunding atau mana-mana pihak yang mempunyai urusan perniagaan atau perkhidmatan dengan UNISEL dan pihak berkepentingan dalam UNISEL.
<b>Saudara</b>	Tafsiran Saudara adalah seperti mana maksud di bawah Seksyen 3 Akta SPRM 2009 (Akta 694).
<b>Sekutu</b>	Tafsiran Sekutu adalah seperti mana maksud di bawah Seksyen 3 Akta SPRM 2009 (Akta 694).
<b>Tindakan yang memudaratkan</b>	Tafsiran tindakan yang memudaratkan adalah seperti mana maksud di dalam Polisi Pemberi Maklumat UNISEL.

## 5. PEGAWAI BADAN AWAM

5.1 Menurut Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694), pihak-pihak berikut adalah ditakrifkan sebagai badan awam:


- 5.1.1 sesuatu pihak berkuasa berkanun;
- 5.1.2 mana-mana pertubuhan yang didaftarkan di bawah sub seksyen 7 (1) Akta Pertubuhan 1966;
- 5.1.3 mana-mana badan sukan yang didaftarkan di bawah seksyen 17 Akta Pembangunan Sukan 1997 (Akta 576);
- 5.1.4 mana-mana koperasi yang didaftarkan di bawah seksyen 7 Akta Koperasi 1993 (Akta 502);
- 5.1.5 mana-mana kesatuan sekerja yang didaftarkan di bawah seksyen 12 Akta Kesatuan Sekerja 1959 (Akta 262);
- 5.1.6 mana-mana pertubuhan belia yang didaftarkan di bawah seksyen 9 Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668); dan
- 5.1.7 mana-mana syarikat atau syarikat subsidiari yang terhadapnya atau dalamnya mana-mana badan awam yang disebutkan seperti di atas mempunyai kawalan atau kepentingan.

5.2 Berdasarkan kepada perkara di atas, kakitangan UNISEL, Ahli Lembaga Pengarah UNISEL dan pihak berkepentingan dalam UNISEL adalah disifatkan sebagai pegawai badan awam mengikut tafsiran Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

5.3 Oleh yang demikian, mana-mana individu yang ditakrifkan sebagai pegawai badan awam boleh diambil tindakan atas kesalahan-kesalahan khusus yang diperuntukkan kepada penjawat awam di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan Kanun Keseksaan (Akta 574).

## 6. DEFINISI RASUAH

Rasuah ialah penerimaan atau pemberian suapan atau sogokan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan atau sogokan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah, diskauan dan sebagainya. Rasuah merupakan satu perkara yang sangat tidak beretika dan tidak sah dari segi undang-undang.



Empat (4) kesalahan utama di bawah Akta SPRM 2009 dan Akta SPRM (Pindaan) 2018 adalah seperti berikut:

- (a) Meminta/Menerima rasuah
- (b) Menawar/Memberi rasuah
- (c) Membuat tuntutan palsu; dan
- (d) Menggunakan jawatan / kedudukan untuk suapan atau sogokan

## DEFINISI KESALAHAN

Bil.	JENIS KESALAHAN	DEFINISI
1.	<b>Meminta/Menerima rasuah</b>	Mana-mana individu/ syarikat komersial menerima suapan(rasuah) sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara. (Akta SPRM 2009 Seksyen 16; Akta SPRM (Pindaan) 2018 Seksyen 17 (A)
2.	<b>Menawar/Memberi rasuah</b>	Mana-mana individu menawar/ memberi rasuah kepada seorang ejen/ pegawai awam sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara berkaitan hal ehwal ejen/ pegawai awam tersebut. (Akta SPRM 2009 Seksyen 17)
3.	<b>Membuat tuntutan palsu</b>	Mana-mana individu menggunakan dokumen tuntutan (contohnya pesanan kerajaan, resit dan invois) yang mempunyai butiran memperdayakan prinsipalnya (majikan). (Akta SPRM 2009 Seksyen 18)
4.	<b>Menggunakan jawatan / kedudukan untuk suapan</b>	Pegawai menggunakan kedudukannya dalam membuat keputusan atau mengambil apa-apa tindakan berhubung dengan sesuatu perkara di mana dia, SAUDARA (Rajah 6.1) atau sekutunya mempunyai kepentingan. (Akta SPRM 2009 Seksyen 23)

Definisi "Saudara" di bawah seksyen 23 Akta SPRM 2009



Rajah 6.1: Definisi "Saudara" (Akta SPRM 2009 Seksyen 23)

## 7. PERATURAN BERKAITAN HADIAH

- 7.1 Hadiah seperti wang, tambang percuma, hiburan, hamper dan sebagainya tidak boleh diminta atau diterima oleh seseorang individu daripada mana-mana orang yang mempunyai hubungan dengan tugas rasmi individu tersebut. Hadiah juga tidak boleh diterima jika nilai hadiah itu tidak sepadan dengan maksud ianya diberikan ataupun diminta dan diterima dengan niat rasuah atau niat jenayah.
- 7.2 Dalam keadaan di mana pemberian hadiah itu sukar ditolak, seseorang individu itu boleh menerimanya tetapi hendaklah melaporkan secara bertulis kepada ketua jabatan untuk mendapat kelulusan.
- 7.3 Peraturan berkaitan pemberian dan penerimaan hadiah adalah sepertimana Polisi Pemberian dan Penerimaan Hadiah serta Kod Etika dan Tatalaku UNISEL.

## 8. PERATURAN BERKAITAN KERAIAN DAN HIBURAN

- 8.1 Keraian seperti kehadiran di acara sosial, majlis makan tengah hari atau makan malam boleh diterima sekiranya ia tidak mempengaruhi pelaksanaan tugas rasmi seseorang individu dan tidak bertentangan dengan apa-apa peraturan sepertimana yang dinyatakan dalam Kod Etika dan Tatalaku UNISEL, Buku Peraturan dan Disiplin Kakitangan.
- 8.2 Walau bagaimanapun, hiburan tidak boleh diminta atau diterima oleh seseorang individu daripada mana-mana orang yang mempunyai hubungan dengan tugas rasmi individu tersebut atau yang boleh menjelaskan reputasi universiti.

## 9. LIABILITI

### 9.1 Gagal Melapor Kesalahan Rasuah

- 9.1.1 Mana-mana individu yang diberikan, dijanjikan atau ditawarkan rasuah atau pun telah diminta rasuah hendaklah melaporkan perkara ini kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau pegawai polis. Kegagalan melapor tanpa alasan yang munasabah boleh menyebabkan individu tersebut didakwa sebagai melakukan suatu kesalahan. Hukuman bagi kesalahan ini ialah denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya; atau denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya; atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau denda atau kedua duanya [Seksyen 25(1) dan 25(3) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694); dan Seksyen 202 Kanun Keseksaan (Akta 574)].

## **9.2Pemilikan Harta Berlebih-lebihan**

- 9.2.1 Mana-mana individu yang dikehendaki mengisyiharkan semua harta yang dimiliki olehnya atau yang dia mempunyai kepentingan di dalam atau di luar negara kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia boleh diminta untuk memberikan penjelasan kepada Suruhanjaya tersebut bagaimana individu berkenaan mampu memiliki harta yang dipercayai bersifat berlebih-lebihan. Sekiranya individu berkenaan gagal memberikan penjelasan yang memuaskan boleh menyebabkan individu tersebut didakwa sebagai melakukan suatu kesalahan. Hukuman bagi kesalahan ini ialah penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang 5 kali ganda nilai harta berlebih-lebihan mengikut mana yang tinggi (Seksyen 36(3) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)]

## **9.3Penyitaan dan Pelucuthakan Harta**

- 9.3.1 Mana-mana wang, barang atau apa-apa harta yang menjadi hal suatu kesalahan rasuah boleh disita dan dilucuthakan sama ada melalui pendakwaan atau pun tanpa pendakwaan (Seksyen 33(1), 37(1), 38(1), 40(1) dan 41(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)).
- 9.3.2 Mana-mana harta yang diperolehi atau perniagaan yang dibuat dengan menggunakan hasil daripada kesalahan rasuah juga boleh disita dan dilucuthakan sama ada melalui pendakwaan atau pun tanpa pendakwaan di bawah Seksyen 50(1), 51(1), 52(1), 55(1) dan 56(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613).

## **9.4Kesalahan Di Luar Malaysia**

- 9.4.1 Kesalahan rasuah dan penyelewengan, di mana berkenaan, yang dilakukan di luar negara adalah juga disifatkan sebagai menjadi suatu kesalahan seolah-olah ianya telah dilakukan di dalam negara, seperti mana yang diperuntukan di bawah Seksyen 66(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

## **9.5Liabiliti Korporat (Corporate Liability)**

- 9.5.1 Mana-mana syarikat perniagaan boleh disabitkan dengan kesalahan rasuah sekiranya mana-mana individu yang bekerja atau bersekutu dengan syarikat tersebut memberikan, menjanjikan atau menawarkan rasuah kepada mana mana orang untuk manfaat syarikat tersebut seperti untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan (Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)).

- 9.5.2 Sekiranya syarikat milik UNISEL beroperasi di luar negara atau mempunyai pejabat cawangan di luar negara dan sekiranya mana-mana individu yang bekerja atau bersekutu dengan syarikat itu melakukan kesalahan rasuah untuk manfaat syarikat itu maka syarikat tersebut boleh disabitkan dengan kesalahan di bawah undang-undang negara berkenaan seperti UK Bribery Act 2010 dan lain-lain.

## **10.PANDUAN APABILA BERHADAPAN DENGAN ISU RASUAH DAN PENYELEWENGAN.**

### **10.1 Tolak**

- 10.1.1 Mana-mana individu yang ditawarkan, diberi atau diminta rasuah hendaklah mengambil tindakan dengan menolak tawaran, pemberian atau permintaan rasuah itu. Berikutnya, individu tersebut hendaklah dengan segera melaporkan perkara ini kepada ketua jabatan dan pegawai Unit Tadbir Urus Korporat dan Integriti (UTUKi) UNISEL.
- 10.1.2 Sekiranya mana-mana individu menerima arahan daripada pihak atasannya untuk melakukan atau bersubahat dalam melakukan suatu kesalahan rasuah dan penyelewengan ataupun sesuatu perbuatan yang tidak mengikut undang-undang dan peraturan, maka individu tersebut hendaklah menolak arahan berkenaan dan dengan segera melaporkan perkara ini kepada pegawai yang lebih atas dan mana-mana pegawai UTUKi UNISEL.

### **10.2 Diam**

- 10.2.1 Mana-mana individu yang telah membuat pelaporan berkaitan kesalahan rasuah dan penyelewengan hendaklah tidak mendedahkan pelaporan berkenaan kepada mana-mana pihak lain. Ini bertujuan bagi memastikan dan melindungi apa-apa keterangan dan bahan bukti berkaitan kesalahan tersebut daripada terjejas atau dimusnahkan.
- 10.2.2 Individu berkenaan juga hendaklah turut merahsiakan identiti dan butiran mengenai pihak yang memberitahu kepadanya berkaitan suatu kesalahan rasuah dan penyelewengan itu daripada mana-mana pihak lain. Ini bertujuan untuk melindungi pemberitahu itu daripada sebarang bentuk tindakan yang memudaratkan.

# LAPORKAN JENAYAH RASUAH



WAJIB LAPOR

Anda wajib lapor sekiranya:

a. Dijanjikan, ditawarkan atau diberi rasuah.

b. Diminta atau cuba peroleh (daripada individu) suapan.



APA YANG PERLU DILAPORKAN

- Apa yang berlaku & siapa yang terlibat
- Tarikh, masa & tempat kejadian
- Identiti pelaku
- Dokumen penting
- Saksi



-Akta 5PRM 2009, Seksyen 29-

Sekiranya pemberi maklumat / saksi dibuang kerja, diugut, ditukarkan, turunkan pangkat, dipulaukan atau sebagainya, individu tersebut berhak untuk mendapatkan remedi-remedi seperti berikut:

- \* Pampasan, ganti rugi atau relif lain
- \* Injuksi (terhadap orang yang mengambil tindakan)
- \* Memerintahkan tindakan personel seperti Kembali bertugas atau mengembalikan jawatan
- \* Jika penempatan semula tidak boleh diberi, harus membayar pampasan sebagai ganti

PEMBERI MAKLUMAT &amp; SAKSI DILINDungi



Dilindungi di bawah Akta Perlindungan Saksi 2009

➤ Kerahsiaan identiti

➤ Kebal daripada Tindakan sivil

➤ Menerima remedi apabila pemberi maklumat diambil tindakan seperti dibuang kerja, diugut, turunkan jawatan dan lain-lain

Mana-mana saksi boleh memohon untuk dimasukkan ke dalam Program Perlindungan Saksi yang diwujudkan di bawah akta ini.

Antara bentuk perlindungan di bawah program ini adalah:

- \* Menyediakan tempat tinggal untuk peserta
- \* Memohon mewujudkan identiti baru
- \* Memberikan pembayaran sara hidup
- \* Apa-apa tindakan lain sebagaimana yang didapati perlu oleh Ketua Pengarah unit Perlindungan Saksi JPM

## 11. PENUTUP

- 11.1 Rasuah dan penyelewengan menyebabkan berlakunya ketirisan dan pembaziran di dalam organisasi serta bertentangan dengan nilai teras utama UNISEL. Pelaku-pelaku rasuah dan penyelewengan berhadapan dengan risiko disabitkan dengan hukuman di bawah undang-undang seperti Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694), Kanun Keseksaan (Akta 574), Akta Syarikat 2016 (Akta 777), Akta Persaingan 2010 (Akta 712) serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613).
- 11.2 Selain itu, pelaku-pelaku rasuah dan penyelewengan juga berhadapan dengan risiko disabitkan dengan hukuman tatatertib di bawah Buku Panduan Staf UNISEL dan mana-mana peruntukan atau akta yang berkuatkuasa.
- 11.3 Setiap individu bukan sahaja perlu menolak dan menghindari perbuatan rasuah dan penyelewengan tetapi juga hendaklah melaporkan kesalahan tersebut supaya tindakan sewajarnya dapat diambil bagi membendung kesalahan ini daripada berleluasa di dalam organisasi.

## PERTANYAAN DAN PELAPORAN

Sebarang pertanyaan atau pelaporan pelanggaran terhadap Polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

**UNIT TADBIR URUS KORPORAT DAN INTEGRITI (UTUKi)**

**KAMPUS SHAH ALAM, JALAN ZIRKON A7/A, SEKSYEN 7,**

**40000, SHAH ALAM, SELANGOR.**

**TEL.PEJABAT : 03 5522 3424**

**E-MEL: [governance\\_cgqa@unisel.edu.my](mailto:governance_cgqa@unisel.edu.my)**